

1981

ALOR STAR, 21 OGOS (BERNAMA)—DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MENEGASKAN HARI INI KERAJAANNYABUKANLAH SEBUAH KERAJAAN BARU TETAPI KERAJAAN YANG DITERUSKAN SEJAK PIMPINAN TUNKU ABDUL RAHMAN.

PERDANA MENTERI BERKATA DASAR-DASAR YANG TELAH DITETAPKAN DENGAN BIJAKNYA OLEH TUNKU ABDUL RAHMAN TELAH DITERUSKAN OLEH ALLAHYARHAM TUN ABDUL RAZAK, TUN HUSSEIN ONN DAN SEKARANG OLEH BELIAU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA WALAUPUN NEGARA TELAH MEM-PUNYAI TIGA BUAH KERAJAAN DENGAN TIGA ORANG PEMIMPIN, TETAPI TETAP DENGAN DASAR-DASAR YANG DITETAPKAN.

PERDANA MENTERI BERKATA DEMIKIAN KETIKA BERUCAP DI MAJLIS MERAIKAN BELIAU SEBAGAI PERDANA MENTERI ANJURAN KERAJAAN NEGERI KEDAH DI STADIUM DARUL AMAN DI SINI.

HAMPIR 25,000 ORANG PENDUDUK DARI SEGENAP LAPISAN RAKYAT TELAH MEMBANJIRI STADIUM DARUL AMAN UNTUK MENGALU-ALUKAN PEKLANTIKAN DATUK SERI DR. MAHATHIR SEBAGAI PERDANA MENTERI KE 4 MALAYSIA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENEGASKAN BELIAU ATAUPUN PEMIMPIN TERDAHULU DARINYA TIDAK PERLU MENGUBAHKAN SEBARANG DASAR KERANA TELAH DIGUBAL DAK DITETAPKAN DENGAN BIJAK OLEH PERDANA MENTERI PERTAMA, TUNKU ABDUL RAHMAN. —BERSAMBUNG 1300/AH

MAHATHIR 2 ALOR STAR

APA YANG MUNGKIN BERLAINAN IALAH CARA DASAR TERSEBUT DILAKSANKAN KERANA SETIAP PEMIMPIN MEMUNYAI CARANYA YANG TERSENDORITETAPI YANG PENTING IALAH PERLAKSANAAN DASAR-DASAR YANG DITETAPKAN DAN BUKAN CARA ATAU STAIL SESEORANG PEMIMPIN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA DASAR LUAR NEGARA JUGA TIDAK AKAN DIUBAH IAITU MALAYSIA INGIN BERBAIK-BAIK DENGAN SEMUA NEGARA TANPA MENGIRA FAHAMAN ATAU SISTEM PEMERINTAHANNYA.

KATANYA APA YANG PENTING IALAH NEGARA-NEGARA TERSEBUT TIDAK MENCAMPURI URUSAN DALAM NEGERI DAN MALAYSIA JUGA TIDAK CAMPUR TANGAN DALAM URUSAN NEGARA LAIN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR SETERUSNYA MENYERU RAKYAT SUPAYA MEMPERTAHANKAN SISTEM DEMOKRASI BERPARTI YANG DIAMALKAN DI NEGARA INI UNTUK MENCEKALKAN KESTABILAN POLITIK.

KATANYA, MENERUSI SISTEM DEMOKRASI BERPARTI RAKYAT DI BERI PELUANG SETIAP LIMA TAHUN UNTUK MEMILIH PARTI MEMBENTUK KERAJAAN.

BELIAU BERTERIMA KASIH KEPADA RAKYAT KERANA TELAH MEMILIH PARTI YANG SAMA UNTUK MEMERINTAH NEGARA SEJAK MERDEKA HINGGA SEKARANG. —BERSAMBUNG 1304/AH

B523

MAHATHIR 3 ALOR STAR

SEBELUM ITU, KETIBAAN DATUK SERI DR. MAHATHIR DAN DATIN SRI DR. SITI HASMAH DENGAN SEBUAH HELIKOPTER NURI TENTERA UDARA DI RAJA MALAYSIA DI STADIUM TERSEBUT DI SAMBUT OLEH DATUK SRI SYED NAHAR SHAHABUDDIN DAN DATIN SRI INIK MAIMUNAH.

SERAMAI 1,500 ORANG KANAK-KANAK SEKOLAH TELAH MENGADAKAN PERSEMBAHAN KAD SEIMBAS DENGAN MEMBENTUK UCAPAN SELAMAT DATANG DAN NAMA PERDANA MENTERI DAN ISERI.

SERAMAI 2,500 ORANG ANAK-KANAK SEKOLAH LA IN MENGADAKAN SENAMAN BERAMA I-RAMA I.

KEMUNCIAK UPACARA SAMBUTAN IALAH APABILA DATUK SERI DR. MAHATHIR DAN DATIN SRI DR. SITI HASMAH DAM DATUK SRI SYED NAHAR DAN DATIN SRI INIK MAIMUNAH MENAKLIK DUA EKOR GAJAH MENGELILINGI STADIUM,

—BERNAMA 1307/AH